NAMA : _____

KELAS : _____

TATABAHASA (AYAT AKTIF DAN AYAT PASIF)

Latihan : Kenal pasti ayat-ayat berikut dan tuliskan (AA) untuk ayat aktif atau (AP) ayat pasif.

1) Beberapa orang murid 3 Charismatic itu ditahan oleh guru disiplin selepas perhimpunan kerana melanggar peraturan sekolah.

2) Ibu bapa perlu menerapkan nilai-nilai murni kepada anak sejak kecil lagi.

3) Guru Bahasa Melayu menghadiahi pelajar itu sebatang pen setelah berjaya memperoleh A dalam peperiksaan percubaan PT3.

4) Penculik kanak-kanak itu telah ditangkap oleh polis pada pagi tadi.

5) Undang-undang negara mestilah kamu patuhi agar hidup kita aman.

6) Kerajaan telah mengambil beberapa langkah untuk membantu pengusaha industri kecil itu.

7) Sikap Fariz dan Afif ditegur oleh ketua kampung yang suka menghabiskan masa di warung.

8) Penduduk setempat mempertikaikan keputusan untuk membina tapak pelupusan sampah.

9) Bas dinaiki oleh mereka ke sekolah.

10) Aktiviti pembalakan haram itu telah berjaya dibanteras oleh pihak berkuasa.

11) Tugasan yang diberi perlu kamu siapkan pada hari ini juga.

12) Panglima Garang perlu tuan hamba temui segera.

13) Pihak kerajaan akan memberikan insentif kepada mana-mana ahli sukan yang berjaya mengharumkan nama negara di persada antarabangsa.

14) Persatuan Ibu bapa dan Guru (PIBG) sekolah itu akan mengadakan mesyuarat tergempar.

15) Raket badminton Trinton mahu disimpan oleh Irna sebagai kenang-kenangan.

16) Jurusan perubatan akan saya pilih jika saya berjaya dalam peperiksaan dengan cemerlang.

17) Kita seharusnya memperkemas diri kita dengan ilmu pengetahuan dan kemahiran agar dapat bersaing dengan bangsa lain.

LIVEWORKSHEETS
LIVEWORKSHEETS

18) Segala dokumen yang diperakukan oleh Pesuruhjaya sumpah itu sebelum dihantar ke mahkamah.

19) Tempat pertama digondol oleh Angel dalam acara merentas desa.

20) Beberapa kilang yang beroperasi di sepanjang sungai itu telah membuang sisa toksik ke dalam sungai untuk menjimatkan kos operasi mereka.

LIVEWORKSHEETS
LIVEWORKSHEETS